



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN EKONOMI

PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA SEMAKIN KUKUH MELEPASI SASARAN: ANGGARAN KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) AWALAN SUKU TAHUN KEEMPAT 2025

Putrajaya, 19 Januari 2026 – YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Haji Mohd Nasir, Menteri Ekonomi memaklumkan bahawa anggaran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Awalan bagi suku tahun keempat 2025 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Negara (DOSM) menunjukkan ekonomi Malaysia dijangka bertumbuh sebanyak **5.7% pada suku keempat tahun 2025**. Pencapaian ini memberi petunjuk awal mengenai prestasi semasa ekonomi negara.

Walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran global dan persekitaran luaran yang tidak menentu, ekonomi Malaysia diunjurkan mencatat pertumbuhan 4.9% bagi tahun 2025, melebihi unjuran rasmi antara 4.0% hingga 4.8%. Lonjakan aktiviti ekonomi pada tiga bulan terakhir 2025 memperlihatkan rentak pertumbuhan yang semakin rancak, didorong terutamanya oleh pengukuhan permintaan domestik, di samping peningkatan sektor perkhidmatan dan pembuatan.

Berdasarkan anggaran KDNK awalan ini, **pertumbuhan KDNK bagi tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), iaitu pencapaian tahun 2021 hingga 2025 dianggarkan sebanyak 5.2% setahun**, melebihi anggaran awalan pencapaian seperti yang dinyatakan dalam dokumen Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13).

Menurut YB Akmal, “Pencapaian ini membuktikan **keberkesanan hala tuju dan strategi Ekonomi MADANI** dalam mendepani ketidakpastian cabaran global serta menstruktur semula ekonomi dan mengekalkan permintaan domestik yang mampan. **Kejayaan pelaksanaan lebih 170 inisiatif pembangunan sosioekonomi dalam tempoh RMKe-12 telah turut menyumbang kepada pencapaian ini**”.

Selain itu, pertumbuhan ekonomi ini turut mencerminkan kesan pelaksanaan program bantuan tunai bersasar seperti Sumbangan Asas Rahmah (SARA) serta Sumbangan Tunai Rahmah (STR) yang telah mendorong kepada pengukuhan perbelanjaan isi rumah.

“Ini merupakan momentum positif bagi mencerminkan asas ekonomi Malaysia kekal kukuh dan berdaya saing. **Tahun 2026 merupakan permulaan fasa pelaksanaan RMK13 dan Kementerian Ekonomi komited dalam memastikan setiap inisiatif diterjemah kepada hasil yang nyata dan dirasakan oleh rakyat secara keseluruhan,**” ujar YB Menteri Ekonomi.

Kerajaan yakin negara berada pada landasan yang tepat untuk merealisasikan aspirasi Ekonomi MADANI melalui RMK13 dengan tema ‘Melakar Semula Pembangunan’ dan seterusnya mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2030.

KEMENTERIAN EKONOMI

19 Januari 2026